

Raih komitmen pelaburan RM347b

Hasil lawatan rasmi, misi perdagangan di luar negara tahun ini

Oleh Rohaniza Idris
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia meraih komitmen pelaburan bernilai RM347 bilion sepanjang lawatan rasmi serta misi perdagangan dan pelaburan yang diadakan di luar negara sepanjang tahun ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, komitmen pelaburan itu masing-masing diraih ketika misi dan lawatan ke China, Singapura, Jepun, Korea Selatan, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Arab Saudi dan Amerika Syarikat.

“Komitmen pelaburan ini agak tinggi dan amat memberangsangkan, sama ada hasil lawatan dan hasil usaha agensi kerajaan, termasuk Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI),” katanya ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2024 bagi bacaan kali kedua di persidangan Dewan Negara, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan meluluskan pelaburan bernilai RM132.6 bilion, iaitu melebihi 60 peratus daripada sasaran tahun ini bagi separuh pertama 2023.

“Yang utama ialah jaminan berkembangnya Keluaran Dalam



Anwar pada sidang Dewan Negara di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

Negara Kasar (KDNK) suku ketiga dengan mencatatkan pertumbuhan 3.3 peratus berbanding 2.9 peratus pada suku kedua 2023. Ekonomi kita berkembang 3.9 peratus bagi sembilan bulan 2023, selari unjuran KDNK 2023 sekitar empat peratus,” katanya.

Reda tekanan inflasi

Anwar berkata, kerajaan juga berjaya meredakan tekanan inflasi yang kini dicatatkan pada 1.8 peratus, menyusut daripada kadar empat peratus semasa beliau mengambil alih teraju pentadbiran negara.

“Kini setakat Oktober 2023, kadar inflasi hanya 1.8 peratus, terendah di rantau ini dan lebih baik berbanding kebanyakan negara maju. Tahap pengangguran juga berjaya diturunkan kepada 3.4 peratus setakat September 2023, iaitu terendah dan hampir menyamai kadar sebelum CO-

VID-19, iaitu 3.3 peratus.

“Walaupun baru setahun, kita laksanakan dasar serta pendekatan yang jelas dan tegas yang tidak dilaksanakan sebelum ini, malah ada langkah Belanjawan MADANI Kedua yang sudah pun dilaksanakan,” katanya.

Beliau berkata, ketegasan kerajaan dalam tatakelola juga tidak boleh dipertikaikan apabila Rang Undang-Undang (RUU) Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal diluluskan di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

“Semua usaha di bawah Belanjawan MADANI Kedua akan menyusul setiap keutamaan Ekonomi MADANI yang dicerakinkan kepada tiga tumpuan utama, iaitu tatakelola terbaik demi ketangkasan perkhidmatan; penstrukturan semula ekonomi bagi melonjak pertumbuhan dan peningkatan darjat hidup rakyat,” katanya.